

# 500 kakitangan JPM dilanda muram dan mesra

KUALA LUMPUR, Khamis — Rasa terharu terbayang di wajah kira-kira 500 orang kakitangan Jabatan Perdana Menteri bila bersalam-salaman untuk mengucapkan 'Selamat Berpisah' kepada Tun Hussein Onn yang bersara sebagai Perdana Menteri mulai 11 pagi ini.

Dari wajahnya terbayang kesedihan dan keterharuan bila meninggalkan kakitangan yang banyak memberi khidmat bakti selama lebih lima tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Sebelum itu tepat jam 11.30 pagi, Tun Hussein diringi oleh Perdana Menteri yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad masuk ke Pejabat Perdana Menteri.

Tun Hussein menyerahkan tugas dan dokumen-dokumen rahsia negara kepada Datuk Seri Dr. Mahathir. Upacara menyerah tugas itu berlangsung kira-kira 8 minit sahaja.

Hussein keluar dari pejabat Perdana Menteri bersama Datuk Seri Dr. Mahathir dan beliau bersalam-salaman dengan kakitangan Jabatan Perdana Menteri.

Kakitangan Jabatan Perdana Menteri beratur dari depan pejabat hingga ke jalan untuk bersalam-salaman perpisahan dengan Tun Hussein.

**Tertinggal**  
Tun Hussein yang sentiasa tersenyum bersalam hampir semua kakitangan yang beratur di kiri kanan jalan berkenaan. Walaupun agak penat, namun beliau tetap berdaya menghulurkan tangan untuk bersalam. Kadang-kala beliau berpaling semula bila ada yang tertinggal untuk disalami.

Tun Hussein berpuluh-puluh, namun untuk tidak melupakan hati kakitangan yang berkhidmat dengannya, segala itu tidak diondang, beliau sentiasa mesra.

Tun Hussein bersalam-salaman dengan Datuk Seri Dr. Mahathir sebelum menaiki kereta bernombor WE 996 kereta kerajaan yang diberi kepada Tun Hussein semasa pencon.

Kereta WG 1 yang selalu dipakainya diserah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri baru.

Tun Hussein beredar pulang dengan diringi oleh sebuah motosikal pengiring sahaja dan seorang pengawal peribadi.

Kemudahan pencon yang diperolehi oleh Tun Hussein ialah pencon penuh, sebuah kereta dan pemandu serta seorang setiausaha.

Tun Hussein yang merupakan anak watan yang tidak asing lagi dalam sejarah politik tanahair.

Persaraan Tun Hussein adalah kerana 'sakit hati'. Begitulah kata beliau sambil berseloroh kepada pemimpin Barisan Nasional dalam mesyuarat akhir yang dihadiri semalam.



Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

■ TUN Hussein Onn walaupun dalam masa terlalu singkat, sempat bermaaf-maafan dengan pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebelum mengucapkan 'selamat berpisah'.

Dengan perasaan sedih dan terharu kakitangan JPM menunggu di luar dan dalam

bangunan untuk memberi hormat kepada bekas ketua mereka.

Perdana Menteri baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) mengiringi Tun Hussein yang sedang bersalam dengan salah seorang kakitangan Jabatan tersebut. Tun Hussein sentiasa kelibat tenang menemui kakitangan Jabatan yang pernah diketuainya.



■ SEMUA pegawai dan kakitangan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semalam terharu apabila Tun Hussein Onn mengucapkan selamat tinggal kepada mereka. Itulah sebabnya

peluang begini digunakan sepenuhnya oleh mereka untuk bersalam dengan pemimpin negara. Mereka berbaris menunggu giliran bersalam dengan Tun Hussein.



■ "SELAMAT bersara, Tun, selamat bersara!" Begitulah kata-kata diucapkan oleh sebahagian kakitangan JPM untuk bekas ketua mereka, Tun Hussein Onn semalam.

Tun Hussein dikerumuni oleh kakitangan Jabatan tersebut sebaik saja beliau keluar dari pejabatnya selepas menyerahkan tugas kepada Perdana Menteri baru, Datuk Seri Dr. Mahathir.